

Peranan orang Melayu dalam Gerakan Anti-Jepun

WAN HASHIM WAN TEH

PENDAHULUAN

Orang-orang Melayu telah memainkan peranannya yang penting mempertahankan Tanah Melayu dan Singapura semasa serangan Jepun ke atas negara ini bermula pada pagi 8 Disember, 1941. Di kawasan-kawasan tertentu, Batalion Pertama dan Batalion Kedua Askar Melayu yang masih di peringkat penubuhan yang mereka anggotai berada di barisan hadapan bersama-sama anggota Tentera Bersekutu lainnya. Penglibatan mereka ini sudah dikaji dengan teliti oleh Dol Ramli (1978), *History of the Malay Regiment 1930-1942*, Mubin Sheppard (1957), *The Malay Regiment 1933-1942*, Abdul Samad Idris (1983) *50 Tahun Askar Melayu*, , serta diolah dan diterbitkan semula secara bergambar oleh Wan Hashim Wan Teh (1993), *Perang Dunia Kedua-Peranan Askar Melayu*. Selain menyertai Askar Melayu, orang-orang Melayu juga menyertai pasukan-pasukan seperti *Federated Malay States Volunteer Reserve*, *Malay Navy*, serta Tentera British. Korban yang paling ramai sekali dialami oleh orang Melayu ialah semasa mempertahankan Singapura dalam masa dua minggu terakhir sebelum Tentera Bersekutu dengan rasminya menyerah dipada 15 Februari, 1942.

Sepanjang pendudukan Jepun selama 3 tahun 6 bulan, tentera Jepun terpaksa menghadapi gangguan dalam bentuk perang gerila dari *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) yang dikuasai oleh komunis dan sekelompok lain yang lebih kecil yang dipengaruhi oleh ideologi *Kuomintang* (KMT) sehingga menimbulkan anggapan bahawa orang-orang Cina memainkan peranan penting dalam gerakan anti-Jepun. Tetapi peristiwa sejarah menunjukkan orang-orang Melayu juga pernah memikul senjata dan berjuang untuk mengeluarkan penjajah Jepun daripada tanah air mereka.

PENGALAMAN MENCARI PEJUANG GERILA

Buku yang pertama sekali menyentuh tentang perjuangan gerila Force 136 ialah *Leftenan Nor Pahlawan Gerila* ditulis oleh Abdul Aziz Zakaria, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959. Oleh kerana buku ini sekadar sebuah memoir pengalaman salah seorang pejuangnya Lt. Mohd. Nor Rani, (Orang Besar Ke-32 Negeri Perak), tidak banyak diceritakan mengenai organisasi secara

keseluruhan gerakan itu sama ada mengenai pusatnya di India dan Ceylon ataupun tentang gerakan itu di Tanah Melayu secara umumnya. Buku-buku lain yang ditulis oleh pengkaji Barat dan sejarawan tempatan tentang zaman pendudukan Jepun banyak menyentuh peranan *MPAJA* tetapi hampir tiada langsung maklumat tentang gerakan gerila bawah tanah yang dianggotai oleh orang-orang Melayu.

Pada tahun 1980, penulis kembali dari Universiti Manchester ke Hulu Perak untuk mengumpul data mengenai kedudukan sosio-ekonomi masyarakat Melayu di dua buah penempatan, iaitu di sebuah kampung tradisional (Hulu Kenderong) dan di Rancangan Felda Bersia. Semasa menemubual dengan salah seorang responden di Felda Bersia, salah seorang daripadanya menceritakan pengalaman beliau semasa menyertai Force 136 untuk menentang Jepun. Lanjutan dari itu, penulis diberikan nama beberapa orang lain yang tinggal di sekitar Hulu Perak; di antaranya termasuk abang penulis sendiri Wan Mohamed (Allahyarham) yang pernah menyertai gerakan ini. Dari mereka yang lainnya penulis mendapat alamat Lt. Nor Rani (Allahyarham) yang pada waktu itu tinggal di Kg. Klang Gate dan Kapten Mohd. Salleh bin Sulaiman (Allahyarham) yang tinggal di Pelabuhan Klang. Dari Lt. Nor Rani, penulis diberitahu beberapa tokoh yang menyertai gerakan ini di Pahang seperti Mejar Yeop Mahidin, Ibrahim Ismail (Jeneral Tan Sri), Kapten Ghazali Shafie (Tan Sri), Kapten Abdul Razak (Tun) dan Cikgu Sulaiman Ismail. Dari Tan Sri Ibrahim Ismail, penulis mendapat nama dan alamat pegawai-pegawai kanan Force 136 lainnya seperti Lt. Kol. P.G.J. Dobree, Lt. Kol. Richardson (meninggal) dan Lt. Kol. Derek Headley.

Selama setahun sepanjang 1980, penulis membuat dua penyelidikan serentak, iaitu secara sepenuh masa untuk membuat kajian aspek sosio-ekonomi orang Melayu di empat kawasan kajian di Perak dan secara separuh masa mengumpul maklumat awal mengenai pejuang Melayu dalam Gerila Force 136. Walau pun minat penulis untuk menyelesaikan tesis Ph.D secepat mungkin amatlah tinggi (tesis ini dapat diselesaikan dalam masa 2 tahun 11 bulan), tetapi penulis merasakan fakta dan maklumat yang sedang dikumpul mengenai Force 136 lebih menarik kerana ia sesuatu yang baru yang belum penulis ketahui sebelumnya, dan juga belum ada bahan yang pernah ditulis mengenainya.

Apabila penulis kembali semula ke Universiti Manchester untuk menyelesaikan penulisan tesis, penulis mula membuat hubungan dengan kesemua bekas pegawai Force 136 dan kesemuanya menyatakan kesediaan mereka untuk menerima penulis untuk diadakan temubual bagi tujuan dokumentasi dan akhirnya menghasilkan sebuah buku bergambar mengenainya.

Ternyata apabila penulis mengunjungi mereka ini, Peter Dobree di Holcome Rogus, Somerset, Derek Headley di Melton Mowbray, Douglas Richardson di Leicestershire, and Richard Broome di Corfee Castle, kesemua mereka menyambut kedatangan penulis seperti menyambut kedatangan saudara-mara mereka sendiri. Ada yang tersedu mengalirkan air mata apabila

mengingatnkan peristiwa pahit dan terutama sekali peristiwa-peristiwa manis yang amat mengembirakan hati sepanjang mereka berada di Tanah Melayu sebagai pejuang dan lebih-lebih lagi di masa-masa aman sebelum dan selepas perang.

Pada tahun 1981, penulis telah menghasilkan 4 rencana bersiri yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia* pada 9, 10, 11 dan 12 Mac 1981. Tulisan ini telah menarik perhatian dan timbul minat yang tinggi di kalangan pembaca untuk mengetahui kisahnya dengan secara yang lebih mendalam. Penerbitan rencana ini juga membantu penulis untuk bertemu dengan bekas-bekas pejuang lainnya yang kini menetap di Pahang dan Kelantan. Pada tahun 1983, atas nama Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Gerik yang dipimpin oleh penulis sendiri sebuah buku bertajuk *Album Kenangan 40 Tahun Pejuang Gerila Force 136* telah diterbitkan, dicetak oleh Penerbit Adabi.

Usaha seterusnya ialah untuk melengkapkan maklumat, terutama tentang pergerakan Force 136 di Kedah. Ini mengambil masa yang agak lama kerana tiada mereka yang terdahulu ini kenal akan bekas pejuang yang terlibat di Kedah kerana bilangannya amat kecil sekali. Akhirnya, menerusi seorang kenalan dengan Flight Lt A. Rahman Bux yang merupakan responden yang terakhir penulis temui sebelum manuskrip buku *Perang Dunia Kedua - Peranan Gerila Melayu Force 136* (1993) selesai ditulis. Jika dikira permulaan penulis membuat penyelidikan pada 1980 dan selesai pada 1992, projek kajian ini merupakan yang paling lama (selama 12 tahun) pernah penulis kaji dan tentunya ia memberi kepuasan intelektual yang amat tinggi kerana berjaya menghidangkan suatu peristiwa yang sebelum ini tidak diketahui umum dengan secara lengkap dan terperinci.

Sebelum ini, telah diterbitkan buku oleh Tan Sri Jeneral Ibrahim Ismail bertajuk *Have You met Meriam?* dalam bentuk memoir dan kemudiannya penulis mengurus sendiri menerusi ATMA untuk menerbitkan sebuah memoir lagi oleh Peter Dobree *Hot Rain Means Danger* yang kemudiannya diterjemah dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1994). Dalam masa yang sama dan melalui ATMA juga, penulis mengusahakan penerbitan *Kiwi's Diary* oleh D.Richardson, dari naskah asal yang diserahkan oleh D.Richardson kepada penulis.

BAGAIMANA GERAKAN MELAYU BERMULA

Bagi mereka yang menyertai *Malay Navy* serta *Federated* dan *Unfederated Malay States Volunteer Reserve* yang berjaya berundur ke Ceylon dan India apabila perang meletus, sebahagian daripadanya dibebaskan dari tugas-tugas ketenteraan manakala sebahagian lagi dikekalkan dalam angkatan tentera British. Kira-kira setahun setelah Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun (1943), barulah dibincangkan rancangan British untuk menguasai semula Tanah Melayu dari tangan Jepun. Seorang tokoh Melayu yang dilantik sebagai pemimpin

orang-orang Melayu di seberang laut ialah Tengku Mahmud Mahyuddin yang menyertai Pasukan Sukarelawan Tanah Melayu dan berundur ke Singapura dan ke India sebelum Tanah Melayu dan Singapura jatuh ke tangan Jepun.

Sebagai seorang dari keturunan bangsawan yang mempunyai pengaruh semasa di Kelantan, beliau dihormati oleh orang-orang Melayu yang pada masa itu berada di India dan Ceylon. Oleh kerana bilangan anak-anak Melayu yang berada di sana tidak begitu ramai, Tengku Mahmud telah membuat lawatan ke Makkah, Jeddah dan Kaherah untuk bertemu dengan pelajar-pelajar Melayu yang terkandas di sana akibat meletusnya peperangan Gabungan di antara meeka dari Makkah dan mereka yang sudah berada di India-Ceylon, termasuk beberapa orang pelajar yang menuntut di India dan England, melahirkan kumpulan pejuang Melayu yang menganggotai satu pasukan bawah tanah bagi tujuan dihantar pulang ke Tanah Melayu untuk berjuang secara perang gerila dari dalam hutan.

Namun, oleh kerana gerakan ini adalah gerakan rahsia dan sulit, di antara anggotanya tidak pula diperkenalkan di antara satu sama lain. Mereka dipisahkan dalam kumpulan-kumpulan kecil dan tidak pun mengetahui nama gerakan mereka sebagai Force 136 sehinggalah setelah tamat perang. Mereka juga tidak diberitahu bila dan bagaimana mereka akan dibawa atau dihantar kembali ke Tanah Melayu dan bagaimana caranya. Yang sedia mengetahui rancangan sulit ini hanyalah pemimpin mereka, Tengku Mahmud Mahyuddin.

Di waktu itu (1943-44), telah berkumandang siaran All-India Radio yang menggunakan nama *Harimau Malaya* dipancarkan ke Tanah Melayu secara terang-terangan menyeru orang-orang Melayu supaya membuat persediaan untuk bangkit menentang penjajah Jepun. Di antara mereka yang bertugas di *All India Radio* ini termasuklah Mohd. Suffian Hashim (Tun, Ketua Hakim Negara) yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang undang-undang dan tekandas di India dengan beberapa orang lain termasuk Tengku Osman b. Tengku Mohd. Jewa yang kemudiannya digugurkan di Kedah. Siaran radio yang berkumandang pada masa-masa tertentu ini memberi semangat baru kepada mereka yang berkesempatan mendengarnya bahawa lambat laun, British akan pasti kembali ke Tanah Melayu untuk mengalahkan Jepun.

Adalah dianggarkan semasa perang tamat, bilangan peluang Melayu yang menerima latihan di India dan Ceylon dan kemudian dihantar ke Tanah Melayu sekadar di antara 35-40 orang sahaja. Mereka ini berjaya mendapatkan sokongan daripada kira-kira hampir 600 orang pejuang di Hulu Perak (Perak), Raub-Kuala Lipis (Pahang), serta di Kuala Nerang (Kedah) bagi membuat persiapan untuk menentang Jepun dari dalam hutan.

KEDATANGAN PEJUANG KE TANAH MELAYU

Kumpulan pertama yang dihantar untuk meneroka perjuangan gerakan Melayu terdiri dari 6 orang yang dipimpin oleh Kapten Ibrahim Ismail bersama Hj.

Ahmad Nayan (pelajar dari Makkah), Hj. Razak (pelajar dari Makkah), Hj. Ahmad Junaid (pelajar dari Makkah), Hj. Razak (pelajar dari Makkah) Mohd. Zain Jaafar (pelajar di India). Menerusi Operasi *Likewise* mereka dihantar melalui kapal selam untuk mendarat secara rambang di pantai negeri Kedah berdekatan dengan Gunung Jerai pada 16-17 Ogos, 1944 tetapi tidak berjaya kerana sebuah enjin sangkut terjatuh ke dalam laut.

Sebelum berangkat ke Tanah Melayu, ketuanya Ibrahim Ismail telah diberi pilihan sama ada untuk mencuba mendarat ke kawasan yang selamat yang sudah mempunyai kumpulan MPAJA yang akan menerima mereka, iaitu di sekitar Pulau Pangkor, atau mendarat secara rambang. Kapten Ibrahim memilih untuk mendarat secara rambang supaya mereka tidak berada di bawah perintah MPAJA yang dianggotai oleh etnik China.

Setelah gagal mendarat dengan kapal selam, mereka diberi pilihan kedua mendarat dengan bot-terbang Catalina di kawasan pantai Terengganu kerana rondaan di sepanjang pantai barat telah ditingkatkan oleh tentera laut Jepun. Pada 30 Oktober 1944, menerusi Operasi *Oatmeal Violin*, tiga orang daripada mereka iaitu Kapten Ibrahim Ismail, Hj. Zakaria dan Mohd. Zain Jaafar berjaya membuat pendaratan di Pulau Perhentian tetapi ditangkap oleh Jepun di Kuala Besut dua hari kemudiannya. Kesemua mereka dibawa ke Kota Bharu, Kelantan untuk disoal siasat dan kemudiannya ke Taiping sebagai tawanan sehingga perang tamat (lihat Jeneral Tan Sri Ibrahim Ismail, *Have You Met Meriam?* Untuk mengetahui kisah sepenuhnya).

Kegagalan kumpulan pertama ini tidak mematahkan semangat pejuang-pejuang Melayu. Berikutnya Operasi *Hebrides* yang dipimpin oleh Mejar Dobree (kemudian Lt. Kolonel) bersama Lt. Mohd. Nor Rani, Haji Bahari, Haji Abdullah Bima, Haji Imran, Haji Hussein Sidek, dan Jamal Daim. Mereka dihantar pada awal Disember 1944 melalui kapal terbang *Liberator Mark VI* sebanyak dua kali tetapi gagal mengenalpasti tempat untuk membuat pendaratan kerana tiba pada waktu malam bagi percubaan pertama, dan kawasan diselurungi kabus tebal bagi percubaan kedua untuk mendarat pada waktu pagi. Cuma pada percubaan ketiga pada 16 Disember 1944, bertolak dari lapangan terbang Jessore pada waktu pagi dan tiba pada jam 4.30 petang kesana, mereka berjaya membuat pendaratan dalam cahaya matahari terang dengan dihembus angin sepoi-sepoi bahasa. Lima hari kemudiannya, melalui pertolongan Orang Asli, mereka dibawa untuk bertemu penduduk Kampung Kuala Temenggong yang merupakan kumpulan pertama menyertai gerakan mereka. Kumpulan berpayung terjun seramai 6 orang ini meningkat kepada 130 orang apabila perang tamat. Gerakan mereka diberi nama Askar Melayu Setia.

Lebih sebulan kemudiannya, pada 25 Januari 1945 kumpulan berpayung terjun kedua dihantar ke kawasan Padang Chermin, Hulu Perak menerusi Operasi *Beacon I* yang dipimpin oleh Mejar Douglas Richardson (kemudian Lt. Kol.) bersama Haji Abdullah Bima, Hamdan dan Haji Serpian Sharbuddin.

Douglas Richardson kemudiannya disertai oleh Haji Ahmad Nayan, Osman bin Mahmud dan Jamal Daim merentas hutan belantara untuk berangkat ke Pahang pada 27 Februari dan akhirnya setelah 3 bulan perjalanan, tiba di sekitar Raub serta berjaya membuat perhubungan pertama dengan penduduk tempatan pada 2 Jun 1945 untuk menubuhkan gerila Wataniah di sana. Jumlah mereka yang menyertai gerila Wataniah di Pahang ialah seramai lebih 400 orang.

Kumpulan-kumpulan lain yang dihantar menerusi payung terjun ialah pada akhir Januari 1945 melalui *Operasi Hebrides II* yang dipimpin oleh Kapten John Clifford bersama Lt. Mohd. Zain Hussein; menerusi *Operasi Fighter* pada 24 Februari 1944 yang dipimpin oleh Mejar C.A. Hassler dengan anggotanya terdiri daripada Fl.Lt. A Rahman Bux, Lt. Tengku Yusof dan kemudiannya disertai oleh Lt. Tengku Osman Tengku Mohd. Jewa, Lt. Abdul Hamid, Abu Bakar Chik, Haji Abd. Razak, Haji Hamid dan Ahmad Othman. Mejar Hasler bersama Wilson dan beberapa orang pejuang Melayu dihantar untuk menubuhkan pasukan gerila berpusat di Kedah. Pada 26 Februari, *Operasi Beacon II* dilancarkan dengan pengiriman pejuang-pejuang Melayu yang terdiri daripada Osman Mahmud, Haji Samsua dan Haji Jamaluddin Abu Bakar yang mendarat di Pahang untuk membantu Ko. Richardson. Pada 9 April, *Operasi Multiple* dilancarkan dengan dipimpin oleh Lt. Kol. Derek Headly bersama Kapt. JD. Dorothy, Sjn. Hutchinson, Haji Rasidi, Md. Nor Hussein, Sulaiman Dol, Md. Roslan Johar, dan Borner. Kolonel Headly sepatutnya merentas hutan belantara untuk menubuhkan kumpulan gerila Melayu di Negeri Sembilan tetapi tidak berjaya berbuat demikian kerana kegiatan tentera Jepun yang sedang meningkat.

Penghantar pejuang-pejuang Melayu dari India dan Ceylon ini bagi tujuan mengumpul maklumat terperinci mengenai kekuatan tentera Jepun di kawasan-kawasan sekitaran serta menubuhkan tentera sukarelawan dan pejuang bawah tanah untuk bersiap sedia menyerang kawasan-kawasan yang strategik apabila pendaratan secara besar-besaran Angkatan Tentera Bersekutu dilancarkan pada kira-kira bulan Ogos atau September 1945 untuk menawan semula Tanah Melayu dan Singapura dari tangan Jepun. Walau bagaimanapun, pengeboman Hiroshima dan Nagasaki pada 6 dan 9 Ogos 1945 telah membawa kepada penyerahan diri tentera Jepun dan ini berjaya mengelakkan peperangan secara terbuka di Tanah Melayu pada Ogos-September 1945. Gerila Melayu Force 136 keluar beramai-ramai di bandar yang terdekat seperti Gerik dan Kuala Kangsar di Perak, Raub dan Kuala Lipis dan Pahang, serta ke Alor Star dan Sungai Petani, Kedah bagi mengambil alih kuasa dari tangan Jepun sementara berlakunya pendaratan menerusi laut di pantai Morib pada Setember 1945 melalui *Operasi Zipper*.

PERANG DUNIA KEDUA DARI SUDUT PANDANGAN PEJUANG MELAYU

Di sini dimajukan dua soalan, iaitu peperangan siapakah Perang Dunia Kedua itu dan kenapa orang Melayu terlibat dalam peperangan itu?

Jawapan kepada soalan pertama ialah Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu merupakan perang antara kuasa-kuasa imperialis, iaitu Britain dan sekutunya di satu pihak dan Jepun bersama sekutunya (Jerman dan Italy) di pihak yang kedua. Perang yang berlaku di rantau ini adalah untuk penguasaan wilayah yang mempunyai kekayaan bahan mentah iaitu getah dan bijih timah. Dua bahan mentah ini amat diperlukan bagi negara-negara industri yang sedang meningkat maju seperti Britain, Eropah, Amerika Syarikat dan saingannya Jepun. Negara Jepun merupakan negara imperialis baru muncul yang mempunyai keyakinan untuk mengalahkan kuasa-kuasa barat di Timur Jauh dari segi ketenteraan. Dalam perkara ini, Tanah Melayu dan Singapura merupakan medan pertempuran yang sengit yang tentunya melibatkan penduduknya juga atas sebab-sebab tertentu.

Orang Melayu turut terlibat kerana negeri-negeri Melayu pada ketika itu berada di bawah naungan British. Segala urusan ketenteraan dan pertahanan juga adalah di bawah kelolaan dan penguasaan British. Pasukan tentera British perlu berada di Tanah Melayu untuk menjaga kepentingan pelaburan British-Amerika yang amat banyak dan menguntungkan. Ini bermakna bahawa kehadiran kuasa Barat di rantau ini adalah untuk menjaga kepentingan ekonomi yang tidak terlepas daripada kepentingan strategik dan ketenteraan.

Askar Melayu sebagai salah satu angkatan tentera moden yang ditubuhkan pada 1933 berada di bawah pemerintahan British. Segala alat kelengkapan, senjata serta disiplin dan cara latihan adalah mengikut tentera British. Ini meletakkan Askar Melayu sebagai sebahagian daripada Angkatan Tentera British, kecuali berbeza dari segi nama dan keahliannya.

Begitulah juga apabila British berura-ura untuk kembali semula ke Tanah Melayu, orang-orang Melayu melibatnya sebagai satu usaha untuk melepaskan negeri-negeri Melayu dari cengkaman pemerintahan tentera Jepun yang bengis dan kejam. Keadaan hidup orang Melayu jauh lebih baik, iaitu aman dan sejahtera serta tidak diseksa dan ditindas, semasa berada di bawah naungan British. Oleh kerana itu, mereka memilih untuk memihak kepada British.

KESIMPULAN

Kertas ini bertujuan memaparkan kepada pembaca bahawa selain daripada MPAJA yang berfahaman komunis dan pasukan tentera kuomintang atau nasionalis, kedua-duanya dianggotai oleh orang Cina orang-orang Melayu juga terlibat dalam gerakan menentang Jepun semasa Perang Dunia Kedua. Malah menerusi dua batalion Askar Melayu, mereka turut serta bersama-sama tentera Bersekutu menentang penaklukan Jepun di antara 8 Disember 1941 dan 14 Februari 1942.

Di penghujung Perang Dunia Kedua pula, orang-orang Melayu turut serta membantu tentera Bersekutu yang beribu pejabat di India dan Ceylon untuk

menubuhkan gerakan bawah tanah Force 136 bagi tujuan mengeluarkan Jepun dari Tanah Melayu dan Singapura. Dalam hal ini, orang Melayu terlibat dalam perang antara dua kuasa imperialis di Timur Jauh iaitu antara British dan sekutunya di satu pihak menentang Jepun sebagai imperialis yang baru muncul dari Asia.